**Soalan 22**

*Tandakan ( ✓ ) di dalam petak jawapan yang betul. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.*

Pak Samad penoreh getah. Pada setiap petang, beliau mengasah

| pisau cukur | pisau toreh |
|---|---|
| | ✓ |

nya agar tajam. Beliau membalut pisau itu dengan kain lalu dimasukkan ke dalam raga. Pada keesokan harinya, Pak Samad pergi ke

| kebun sayur | kebun getah |
|---|---|
| | |

. Beliau memasang

| ubat batuk | ubat nyamuk |
|---|---|
| | |

lalu dimasukkan ke dalam bekas khas. Bekas itu diikat pada pinggangnya. Menjelang

| tengah hari | tengah malam |
|---|---|
| | |

, Pak Samad mengutip susu getah. Susu getah itu dimasukkan ke dalam takung lalu dicampurkan dengan

| cuka getah | cuka jawa |
|---|---|
| | |

.

Selepas setengah jam, getah yang separuh beku itu dilenyek. Seterusnya, Pak Samad memasukkan getah itu ke dalam

| mesin kira | mesin getah |
|---|---|
| | |

untuk menghasilkan getah keping. Akhir sekali, Pak Samad menjemur getah keping itu.

[5 *markah*]